

Dua badan sukarela yang khusus dibentuk untuk wanita – Beautiful People dan Persatuan Untuk Wanita Dalam Pemulihan (Wira) – menyambut ulang tahun ke-10 mereka tahun ini dengan menyingkap pencapaian dan mengatur rancangan masing-masing demi memberi khidmat yang lebih baik pada masa depan.
DEWANI ABBAS (dewani@sph.com.sg) meninjau perjalanan dan harapan mereka.

Perjalanan 10 tahun 'Beautiful People' dan Wira

Mengejar impian melalui ikatan perhubungan

Wira rancang perkukuh kewangan demi peringkat khidmat



DAKAPAN PEMBAKAR SEMANGAT: Cik Shahrul Noentil (depan, kanan), salah seorang mentor Beautiful People, begitu gembira mendakap Liana (bukan nama sebenar) yang kini sudah berubah menjadi remaja lebih yakin. Memerhatikan ialah seorang lagi mentor, Cik Meena Mylvaganam (belakang, kiri), dan Cik Dian Syahidah, yang menyertai program Baby Reader di bawah pergerakan tersebut. – Foto JOHARI RAHMAT

APAKAH antara nilai yang sangat dihargai manusia jika bukan hubungan erat dan mesra sesama insan.

Atas dasar kepercayaan tentang kuatnya pengaruh hubungan baik antara manusia ini, kumpulan dinamakan Beautiful People atau Insan Menawan telah dibentuk – 10 tahun lalu untuk golongan wanita sahaja – dengan tujuan membantu mereka mencapai impian atau merubah kehidupan menerusi jalinan hubungan.

Mereka mungkin atau tidak menghadapi sesuatu keme-lut dalam hidup. Apa pun, Beautiful People adalah wadah untuk mereka mengejar hujung pelangi yang diidamkan bersama pembimbing atau mentor melalui pelbagai program.

Baru-baru ini, kumpulan bersifat berbilang kaum itu menyambut ulang tahun ke-10. Setelah sedekad terbentuk, kumpulan itu memerlukan lebih ramai tampil menjadi mentor sukarelanya.

Liana (bukan nama sebenar), 17 tahun, pelajar menengah dan tinggal di rumah tumpangan Pertapis, adalah antara mereka yang menunjukkan banyak perubahan sejak menyertai Beautiful People pada 2013.

Dia ditemani ibunya, Cik Nora (bukan nama sebenar), 36 tahun, sebagai contoh besarnya kesan hubungan baik ibu-anak, semasa ditemui di rumah salah seorang mentor The Beautiful People, kaunselor Cik Shahrul Noentil, 48 tahun.

“Dahulu saya seorang yang malu nak bercakap. Tapi, sejak sertai Beautiful People perlahan-lahan saya jadi berani (bercakap).”

“Semasa kami ada kem keluarga, saya telah berucap kepada peserta dari rumah tumpangan lain...saya dapati bahawa saya sebenarnya bukan orang jenis pemalu,” kata Liana riang.

Cik Nora, ibu tujuh anak pula berkata: “Dia dah banyak berubah, sedia kongsi perasaannya dengan saya dan nampak dah boleh selesaikan masalahnya sendiri.”

Liana, anak sulung dalam keluarganya, merancang meneruskan pelajarannya selepas lulus peperiksaan peringkat ‘N’ dan mahu memasuki bidang khidmat sosial atau pendidikan awal kanak-kanak.

Ibu dua anak yang mahu namanya disiarkan sebagai Cik Dian Syahidah sahaja, pula turut menyatakan banyak kebaikan yang beliau dapati sejak menyertai Beautiful People dalam program yang dinamakan Baby Reader atau Baca Untuk Bayi.

La program yang bertujuan menyokong ibu muda dalam aspek kemahiran menjadi ibu bapa dan mengurus kewangan.

Cik Dian, 19 tahun, anak kelima dalam sembilan beradik dan mempunyai dua anak – lelaki berusia tiga tahun dan perempuan berusia setahun – berkata bahawa sesi berbincang dengan ibu mentor amat bermanfaat baginya sebagai ibu muda.

Beliau, yang bekerja di bahagian penyediaan makanan dan minuman, kini menanti saat mahu bernikah dengan tunangnya yang berusia 21 tahun selepas Hari Raya Aidilfitri nanti.

Menerangkan lebih lanjut, Cik Meena Mylvaganam, 50-an tahun, salah seorang penggerak Beautiful People sejak 2010, menerangkan pergerakan itu kini bekerjasama dengan lima rumah tumpangan, salah satunya Pertapis.

“Mentor yang dipanggil ‘kakak’ dalam pergerakan ini juga belajar sama dengan mentee atau ‘adik’ mereka, seperti lebih menghargai keluarga kami.”

“Dan semakin hubungan mereka berkembang, si ‘adik’ akan sedar mereka ada kekuatan dan akan diberi peluang untuk mencapainya,” jelas Cik Meena.

Beliau menambah: “The Beautiful People ini juga sentiasa berubah dalam erti kata kami sentiasa menambah program baru.”

“Misalnya, kami bermula 10 tahun lalu sebagai satu program di bawah Beyond Social Services (pertubuhan yang memberi sokongan kepada belia berisiko).”

“Pada masa itu kami adakan program mentor untuk remaja perempuan berisiko. Kini, selepas 10 tahun, kami telah memperkenalkan program baru seperti Baby Reader dan Free For Good iaitu program untuk pesalah perempuan sebelum mereka keluar penjara.”

“Tahun ini, satu lagi pembaharuan telah diperkenalkan iaitu program Heroes’ Journey atau Perjalanan Hero yang dibuka kepada ‘adik’ lelaki pula dengan tujuan sama seperti untuk ‘adik’ perempuan.”

Beautiful People, yang kini merupakan satu entiti bebas, diasaskan oleh Cik Melissa Kwee, 44 tahun.

Ketika ini ia mempunyai sekitar 100 pasangan mentor dan mentee. Namun, oleh kerana mereka bergerak dalam suasana kekeluargaan, seorang mentee mungkin mempunyai lebih daripada seorang mentor.

Kenali kumpulan ‘beautiful’

BEAUTIFUL People dibentuk pada 2006 sebagai satu program bimbingan untuk remaja perempuan berisiko di bawah Beyond Social Services, sebuah pertubuhan yang membantu remaja sedemikian.

Pada tahun lalu ia tidak lagi bergerak di bawah Beyond dan berfungsi sendiri sebagai pergerakan sukarela.

Ia diasaskan Cik Melissa Kwee, 44 tahun, yang juga ketua pegawai eksekutif (CEO) Pusat Sukarela dan Kedermawanan Nasional atau National Volunteer and Philanthropy Centre (NVPC).

Beautiful People yang bersifat berbilang kaum, berfungsi sebagai wadah untuk membina jambatan perhubungan dengan remaja perempuan berisiko. Beautiful People boleh dihubungi melalui e-mel contact@beautifulpeople.org.sg atau di Facebook-nya.



RANCANG PROGRAM: Presiden Wira, Cik Ang Poh Wah (duduk, ketiga dari kiri) bersama sukarelawan persatuan itu, setiasa, Cik Victoria Goh (duduk, kiri); naib presiden, Cik Hamidah Johari (duduk, kedua dari kanan); sukarelawan Wira, Cik Hamidah Ibrahim (berdiri, kedua dari kanan) dan Ustaz Nazree Wahid (berdiri, kanan); kakitangan, Cik Jihan Mohd Noor (berdiri, kedua dari kiri) dan anggota Wira dikenali sebagai Cik Nora (berdiri, kiri), Cik Imah (duduk, kedua dari kiri) dan Cik Liza (duduk, kanan) di pejabat Wira di Kitchener Complex di French Road. – Foto M.O. SALLEH

DETIK 10 tahun membantu bekas penagih dadah wanita kembali ke pangkuan masyarakat bukan sahaja membuat persatuan Wira bertambah yakin akan kepentingan khidmatnya, malah perlunya ia diperluas.

Namun, soal dana menjadi hambatan utama. Maka, pada tahun ini ia mengorak langkah mengadakan projek mengumpul derma dengan sasaran \$100,000 dalam setahun mendatang.

Wira, sebuah badan sekular yang membuka pintunya kepada semua kaum, ialah akronim bagi Women in Recovery Association atau Persatuan Untuk Wanita Dalam Pemulihan diasaskan oleh usahawan kemasyarakatan, Cik Sajni Linda Abdullah, pada 2006.

Naib presiden Wira, Cik Hamidah Johari, berkata persatuan itu mahu mengambil peluang bulan Ramadan ini dengan meletakkan kotak derma di beberapa tempat, selain menulis surat rayuan kepada beberapa individu agar menghulurkan sumbangan.

Selain itu, ia juga telah menyediakan khidmat panggilan telefon - 9095-0120 - yang membolehkan orang ramai menderma \$70 untuk seguni beras dan barang makanan lain atau \$35 bagi separuh barangan tersebut.

Wang yang terkumpul akan turut digunakan sebagai derma makanan termasuk kuih Raya dan habuan kepada anggota Wira sempena Hari Raya Aidilfitri.

Sehubungan itu, Cik Hamidah mendedahkan bahawa Wira ingin memperoleh taraf sebagai Institusi Beraraf Awam atau Institution of A Public Character (IPC) yang akan membolehkannya mengeluarkan resit pemotongan cukai daripada penderma yang layak.

“Selain itu, kami juga mahu melicinkan lagi pengu-rusan Wira dan berura-ura mengambil seorang lagi pegawai eksekutif untuk menjalankan kerja kebajikan kami. Ketika ini kami ada seorang saja pegawai sambilan untuk menjalankan tugas tersebut. Ini semua memerlukan dana,” terang Cik Hamidah, 59 tahun.

Sukarelawan Ustaz Nazree Wahid, 34 tahun, jurulatih dan konsultan motivasi, pula ingin memainkan peranan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap Wira.

Beliau bercadang mengadakan sesi minum teh dan ceramah pada akhir tahun ini bagi mengetengahkan beberapa wanita yang telah berjaya mengatasi cabaran dalam hidup mereka.

Rancangan lain Wira termasuk melakukan lebih banyak lawatan ke rumah anggota bagi mengenal pasti keperluan mereka dengan lebih baik.

Ketika ini persatuan tersebut mempunyai 376 anggota aktif dan masih dapat dihubungi Wira daripada sekitar 600 anggota yang pernah dicatat sebelum ini. Sekitar 40 peratus merupakan janda, 30 peratus masih bersuami dan 30 peratus lagi tidak berkahwin tetapi mempunyai anak. Lebih separuh daripada mereka Melayu berusia antara 18 dengan 50-an tahun.

Namun, rancangan lebih besar persatuan itu ialah membuka sebuah rumah tumpangan sementara untuk bekas penagih wanita.

Presiden Wira, Cik Ang Poh Wah, 58 tahun, yang telah terlibat dalam kerja pemulihan dadah selama 20 tahun, berkata bahawa meskipun program pemulihan di penjara adalah baik, wanita bekas penagih memerlukan khidmat pemulihan lanjut.

“Ia sesuatu yang kami boleh fikirkan tetapi bagaimana prasarananya nanti belum diketahui,” kata Cik Ang.

Setiasa Wira, Cik Victoria Goh, menambah: “Bagi wanita yang baru keluar dari penjara, beban yang perlu mereka tanggung adalah lebih besar daripada lelaki kerana jangkaan seperti tanggungjawab menjaga anak dan menguruskan rumah tangga yang diletak di atas pundak mereka.”

“Justeru, mereka perlukan rumah peralihan untuk mendapatkan sokongan tambahan bagi menyesuaikan diri dengan lebih baik dalam keluarga dan masyarakat.”

Cik Ang pula menambah: “Ada wanita yang tidak keluar mendapatkan bantuan kerana komitmen mereka kepada keluarga atau mereka tiada masa dan akibatnya mereka menanggung sendiri kesukaran.”

Latar belakang Wira

PERSATUAN Untuk Wanita Dalam Pemulihan (Wira) diasaskan oleh Cik Sajni Linda Abdullah, 47 tahun, 10 tahun lalu.

Wira ditubuhkan dengan dua matlamat:

► Memberi sokongan kepada bekas penagih wanita yang baru dibebaskan dari penjara melalui khidmat jagaan lanjut.

► Mengadakan kumpulan sokongan bagi mereka yang ingin membina hidup baru.